

# Mahasiswa UMS ke China

BH 17.10.13 v4

**Kota Kinabalu:** Seramai 10 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengikuti Program Mobiliti Pelajar Malaysia-China selama enam bulan bermula September lalu.

Mereka terdiri daripada enam pelajar Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan, Sekolah Sains Informatik Labuan (dua) dan masing-masing seorang daripada

Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa dan Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan.

Program yang dipelopori Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan itu turut disertai 10 lagi pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) di bawah tajaan Yayasan Al-Bukhary.

## **Belajar Mandarin**

Sepanjang tiga bulan per-

tama, pengisian program memfokuskan berkaitan pembelajaran bahasa Mandarin dan pendedahan terhadap budaya di negara berkenaan.

Tiga bulan berikutnya, pelajar akan menjalani latihan sangkutan di syarikat kerjasama yang dipilih sebagai Pusat Kecemerlangan Industri Institusi Pengajian Tinggi Awam, AEON Beijing.



**Pengarah Pusat Hubungan Industri UMS, Prof Madya Dr Ho Chong Mun** bersama Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah (tengah) dan pelajar UMS yang menyertai Program Mobiliti UMS-China.